



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

THE NINTH ASEAN-CHINA SANITARY AND PHYTOSANITARY (SPS) COOPERATION MEETING

CHONGQING, 14 NOVEMBER 2025 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menghadiri *The 9th ASEAN-China Ministerial Meeting on SPS Cooperation* yang diadakan di Chongqing, China pada 13 November 2025. Mesyuarat yang diadakan setiap dua tahun sekali ini dianjurkan secara bergilir-gilir antara China dan negara-negara anggota ASEAN. Sebelum ini, *The 8th ASEAN-China Ministerial Meeting on SPS Cooperation* telah diadakan di Kuala Lumpur pada 6 Oktober 2023.

Mesyuarat telah mengambil perhatian terhadap komitmen oleh ASEAN-China semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 pada 26 hingga 28 Oktober 2025 di Kuala Lumpur dan juga komitmen yang diberikan semasa *47th ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry Plus Three Meeting* pada 1 Oktober 2025 di Bandaraya Pasay, Filipina, iaitu menyokong kepada pencapaian visi bersama untuk mencapai sektor pertanian yang berdaya tahan, berdaya saing dan menyeluruh dalam memastikan keterjaminan makanan dan kemakmuran rantau ASEAN.

Mesyuarat telah bersetuju untuk meneruskan kerjasama ASEAN-China dalam aspek makanan, pertanian dan perhutanan terutamanya untuk meningkatkan perdagangan, penggunaan teknologi, penggunaan platform sijil elektronik yang dibangunkan pihak China dan *ASEAN Single Window (ASW)*, penyelarasan mekanisme dan standard dalam hal berkaitan sanitari dan fitosanitari serta kerjasama dalam aspek latihan dan pembangunan modal insan.

Mesyuarat juga bersetuju untuk terus bekerjasama dan menjayakan *ASEAN-China Cooperation on Sanitary and Phytosanitary Action Plan for 2026 – 2027*

yang merupakan dokumen rujukan utama dalam usaha kerjasama ASEAN dan China. Antara fokus utama kerjasama adalah untuk memudah cara perdagangan tanpa kompromi kepada keterjaminan dan keselamatan makanan, memelihara kesihatan dan mengharmonikan standard, serta perkongsian amalan terbaik dalam usaha untuk menghalang penyebaran penyakit ternakan dan tanaman.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

